



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 72  
No. 5

**28hb Februari 2019**

*TAMBAHAN No. 4  
PERUNDANGAN*

---

---

**Pk. P.U. 5.**

AKTA BINATANG 1953

PERINTAH PEMVAKSINAN PENCEGAHAN PENYAKIT ANJING GILA  
(DAERAH HULU PERAK, NEGERI PERAK) 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 42(1) dan (2) Akta Binatang 1953 [*Akta 647*] Menteri Besar Perak Darul Ridzuan membuat perintah berikut:

**Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pemvaksinan Pencegahan Penyakit Anjing Gila (Daerah Hulu Perak, Negeri Perak) 2019** dan hendaklah berkuat kuasa pada 1 Mac 2019.

**Pemvaksinan penyakit anjing gila**

2. Semua anjing yang berumur tiga bulan dan ke atas dalam Daerah Hulu Perak hendaklah diserahkan untuk pemvaksinan penyakit anjing gila pada tarikh, waktu dan tempat yang ditetapkan oleh Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak.

Dibuat 19 Februari 2019  
[JPV/BP/IP-213. Jld. 4(41); PU.Pk. 67/71-12]

DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN DATO' AZUMU  
*Menteri Besar  
Perak*

ANIMALS ACT 1953

ANTI-RABIES VACCINATION (DISTRICT OF HULU PERAK,  
STATE OF PERAK) ORDER 2019

IN exercise of the powers conferred by subsection 42(1) and (2) of the Animals Act 1953 [*Act 647*], Menteri Besar Perak Darul Ridzuan makes the following order:

**Citation, application and commencement**

1. This order may be cited as the **Anti-rabies Vaccination (District of Hulu Perak, State of Perak) Order 2019** and shall come into operation on 1 March 2019.

**Anti-rabies vaccination**

2. All dogs aged three months and above within the District of Hulu Perak shall be submitted for the anti-rabies vaccination at such date, time and place as may be specified by the Director of Veterinary Services of Perak.

Made 19 February 2019

[JPV/BP/IP-213. Jld. 4(41); PU.Pk. 67/71-12]

DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN DATO' AZUMU  
*Menteri Besar*  
*Perak*

**Pk. P.U. 6.**

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976  
(Akta 172)

KAEDAH-KAEDAH KAWALAN PERANCANGAN (AM) NEGERI PERAK (PINDAAN) 2019

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 58 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*], Pihak Berkuasa Negeri Perak membuat kaedah kaedah yang berikut:

### **Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Kawalan Perancangan (Am) Negeri Perak (Pindaan) 2019**.

(2) Kaedah-kaedah ini mula berkuat kuasa pada tarikh penyarannya dalam *Warta*.

### **Pindaan kaedah 23**

2. Kaedah-Kaedah Kawalan Perancangan (Am) Negeri Perak 2010 [*Pk. P.U. 55/2010*], yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dalam kaedah 23, dalam nota bahu, dengan memotong perkataan “Cadangan”.

### **Kaedah baharu 23A**

3. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 23 dengan kaedah yang berikut:

#### **“Sumbangan tanah lapang**

**23A.** (1) Kadar sumbangan tanah lapang hendaklah seperti yang dinyatakan di Jadual Ketujuh A.

(2) Tawaran sumbangan hendaklah dibuat kepada pihak berkuasa perancang tempatan dalam Borang A, Jadual Ketujuh A.”.

### **Pindaan Jadual Ketujuh**

4. Jadual Ketujuh Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan tajuk “Cadangan Kadar Sumbangan Tempat Parkir” kepada “Kadar Sumbangan Tempat Parkir”.

### **Jadual Ketujuh A baharu**

5. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan memasukkan selepas Jadual Ketujuh, Jadual yang berikut:

## “JADUAL KETUJUH A

KAEDAH-KAEDAH KAWALAN PERANCANGAN (AM) NEGERI PERAK (PINDAAN) 2019

## KADAR SUMBANGAN TANAH LAPANG

[subkaedah 23A(1)]

MENGIKUT

PERENGGAN 58(2)(j) AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

- (A) 
$$\text{Kadar Sumbangan} = \text{Kos alatan permainan} + 3\% \times \text{luas tanah lapang} \times \text{nilai asas}$$
- (B) Kadar Sumbangan Tanah Lapang dikira berdasarkan:
- (a) Kos alatan permainan: pada kiraan RM15,000 (dikaji semula setiap lima (5) tahun bagi mengikut penilaian tahun semasa).
  - (b) 3% keluasan tanah lapang yang perlu disediakan bagi pembangunan skim perumahan bertanah dua (2) ekar ke bawah.
  - (c) Luas tanah lapang: keluasan tanah lapang secara sukarela dibayar bagi menggantikan keluasan tapak secara fizikal.
  - (d) Nilai asas: nilai pasaran tanah siap ditambun.
- (C) Pengecualian:
- Pengecualian sumbangan tanah lapang hanya dibenarkan bagi pembangunan perumahan sedia wujud tanpa kebenaran melalui proses pecah sempadan yang bukan bertujuan untuk keuntungan serta pecah bahagi untuk keluarga.
- (D) Syarat-syarat:
- (a) Tanah lapang bagi cadangan pemajuan yang dikemukakan telah dipersetujui oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan sebagai tidak sesuai untuk perluasan atau cantuman dengan lot bersebelahan.
  - (b) Pemohon diberi alternatif untuk menaik taraf tanah lapang sedia ada yang berhampiran dan bersamaan dengan nilai sumbangan tanah lapang yang dikenakan.
  - (c) Kadar nilai tanah ditentukan oleh penilai berdaftar Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta.

- (d) Bayaran perlu dijelaskan tanpa ansuran sebelum Borang C (1) dikeluarkan.
- (e) Pihak Berkuasa Perancang Tempatan hendaklah memastikan segala wang sumbangan tanah lapang yang terkumpul ditabungkan ke akaun amanah tanah lapang dan digunakan untuk tujuan menaik taraf tanah lapang sedia ada yang berhampiran atau kawasan yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan.

**JADUAL KETUJUH A**

**KAEDAH-KAEDAH KAWALAN PERANCANGAN (AM)  
NEGERI PERAK (PINDAAN) 2019**

**BORANG A**

**TAWARAN SUMBANGAN TANAH LAPANG**

[subkaedah 23A(2)]

**MENGIKUT**

PERENGGAN 58(2)(j) AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

Kepada \*Majlis Bandaraya/\*Majlis  
Perbandaran/\*Majlis Daerah

.....  
.....  
.....

SAYA/Kami\* .....  
(Pemohon Kebenaran Merancang)

..... beralamat  
.....

KP./No. Pendaftaran Syarikat: ..... dengan ini menawarkan  
sumbangan tanah lapang bagi cadangan pemajuan Lot No. ....  
..... dalam Mukim/Bandar .....

Daerah ..... bagi menggantikan tanah lapang  
seluas ..... yang tidak dapat disediakan secara  
fizikal kepada ..... dengan  
(Pihak Berkuasa Perancang Tempatan)

harga RM ..... sekaki persegi.

Tawaran pembayaran ini adalah berjumlah RM ..... dan ianya ditawarkan tanpa keraguan.

Tarikh: .....

.....  
(Tandatangan Pemohon)

*\*Potong mana yang tidak berkenaan”.*

Dibuat 22 Januari 2019

[JPBD.Pk. 8/AKTA/1004 Jld. 4; PU.Pk 44/80(vii)]

KAMARULARIFFIN BIN HAJI AYUB  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Perak Darul Ridzuan*

TOWN AND COUNTRY PLANNING ACT 1976  
(Act 172)

PERAK PLANNING CONTROL (GENERAL) (AMENDMENT) RULES 2019

IN exercise of the powers conferred by section 58 of the Town and Country Planning Act 1976 [Act 172], the State Authority of Perak makes the following rules:

**Name and commencement**

1. (1) These Rules may be cited as the **Perak Planning Control (General) (Amendment) Rules 2019**.

(2) These Rules shall come into operation on the date of its publication in the *Gazette*.

**Amendment of rule 23**

2. The Perak Planning Control (General) Rules 2010 [Pk. P.U. 5512010], which are referred to as the “principal Rules” in these Rules, are amended in rule 23, in the shoulder note, by deleting the word “Proposal”.

**New rule 23A**

3. The principal Rules are amended by inserting after rule 23 with the following rule:

**“Open space contribution**

**23A.** (1) The rate for open space contribution shall be as specified in the Seventh Schedule A.

(2) The contribution offer shall be made to the local planning authority in Form A, Seventh Schedule A.”.

### **Amendment of Seventh Schedule**

4. The Seventh Schedule of the principal Rules is amended by replacing “Proposal of Contribution Fee for Parking Spaces” to “Parking Contribution Rate”.

### **New Seventh A Schedule**

5. The principal Rules is amended by inserting after Seventh Schedule, the following Schedule:

#### **“SEVENTH A SCHEDULE**

##### **PERAK PLANNING CONTROL (GENERAL) (AMENDMENT) RULES 2019**

##### **OPEN SPACE CONTRIBUTION RATE**

[subrule 23A(1)]

PARAGRAPH 58(2)(j) TOWN AND COUNTRY PLANNING ACT 1976

- (A) Contribution = Playground equipment + 3% x open space x base value area
- (B) Open Space Contribution Rate is calculated based on:
- (a) Playground equipment cost: at RM15,000 (to be reviewed every five (5) years to suit with current year valuation).
  - (b) 3% of open space area which is required for landed housing scheme two (2) acres and below.
  - (c) Open space area: open space area voluntarily paid to replace physical site area.
  - (d) Base value: the value of land duly filled/leveled.
- (C) Exemption:
- Exemption of open space contribution is only allowed for existing housing development without permission through non-profit sub-division process and partition of land for families.

(D) Conditions:

- (a) Open space for submitted proposed development has been agreed by local planning authority as unsuitable for enlargement or amalgamation with the adjoining lot.
- (b) Applicant is given with the alternative to upgrade existing open space nearby which equal to the value of the imposed open space contribution.
- (c) Land value rate is determined by registered valuer of Valuation and Property Services Department.
- (d) Payment must be made without instalment before Form C (1) is issued.
- (e) Local planning authority shall ensure that the money collected from open space contribution to be put into the open space trustee account and are used for of the purpose of upgrading existing open space nearby or area determine by the local planning authority.

**SEVENTH A SCHEDULE**

**PERAK PLANNING CONTROL (GENERAL) (AMENDMENT) RULES 2019**

**FORM A**

**OPEN SPACE CONTRIBUTION OFFER**

[subrule 23A(2)]

PURSUANT TO SECTION 58(2)(j) TOWN AND COUNTRY PLANNING ACT 1976

To City/Municipal/District Council

.....  
.....  
.....

I/We\* .....  
(Planning Permission Applicant)

Address .....

NRIC/Company registration No. .... thereby offers the payment of open space for proposed development of Lot No. ....

in Mukim/Town .....

District ..... to replace open space area amounting to .....that cannot  
(Local Planning Authority)

be physically provided to .....

with the price of RM ..... per square feet.



The payment offer is in the sum of RM ..... and it is offered without doubt.

Date: .....

.....  
(Signature of Applicant)

\* *Delete whichever is not applicable*".

Made 22 January 2019

[JPBD.Pk. 8/AKTA/1004 Jld. 4; PU. Pk 44/80(vii)]

KAMARULARIFFIN BIN HAJI AYUB  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Perak Darul Ridzuan*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA